

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ**

[PASIR MAS – PAS]

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 10)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi penswastan Liga Malaysia bermula 2016.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Cadangan penswastaan Liga Bola Sepak Malaysia telah pun mendapat persetujuan dari semua 18 ahli gabungan FAM iaitu Persatuan Bola Sepak Negeri dan juga kelab-kelab bolasepak semasa bengkel penswastaan Liga Malaysia yang diadakan pada 9 hingga 10 Oktober 2013 yang lalu. Pada awalnya, penswastaan Liga Malaysia ini akan bermula pada tahun 2015 tetapi telah ditunda pelaksanaannya pada tahun 2016 atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
2. Bagi merealisasikan penswastaan Liga Malaysia ini, pihak FAM telah pun melantik syarikat **MP & Silva** sebagai rakan kongsi serta menubuhkan **Football Malaysia Limited Liability Partnership (FMLLP)** bagi menggabungkan FAM, MP & Silva serta semua pasukan yang akan menyertai liga dibawah satu bumbung. Melalui perjanjian bersama syarikat MP & Silva ini, pihak FAM dijangka akan menerima keuntungan sebanyak RM 1.26 billion untuk tempoh 15 tahun bermula tahun 2016. Sebanyak 40 peratus daripada jumlah keuntungan itu akan diberi kepada FAM untuk tujuan pembangunan bola sepak, 30 peratus kepada pasukan yang bertanding, 20 peratus untuk perbelanjaan liga dan 10 peratus kepada pembangunan pengadil dan belia.

Sekian, terima kasih.